



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM CAREER EXPLORATION PERINGKAT KEBANGSAAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU LAUT

1. Program Career Exploration adalah antara inisiatif PERKESO untuk memastikan **murid-murid sekolah menengah atas cakna dengan situasi pasaran kerja semasa, sekali gus diyakini berupaya mengurangkan jurang ketidakpadanan pekerjaan**. Kolaborasi PERKESO bersama-sama Pintar Foundation di **sebelas (11) sekolah menengah di negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang** menyaksikan jumlah keseluruhan kehadiran adalah lebih 1,000 murid, selain pelbagai program sekolah yang dilaksanakan pada tahun ini.
2. Statistik penempatan MYFutureJobs sehingga 14 Julai 2023 merekodkan **jumlah graduan yang mengalami ketidakpadanan** (bekerja dalam pekerjaan separa mahir dan rendah serta bergaji RM2,000 ke bawah) adalah seramai **15,460 atau 42%**.
3. Justeru, isu ketidakpadanan pekerjaan ini boleh ditangani melalui **intervensi awal membabitkan murid sekolah** supaya laluan kerjaya mereka menepati minat dan bidang pengajian yang bakal diceburi di peringkat institusi pengajian tinggi, khususnya menerusi Portal MyFutureJobs. **Pelancaran ini julung kalinya** diadakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO demi melahirkan produk modal insan yang benar-benar **bertepatan dengan kehendak industri**.
4. Justeru itu, **dukungan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia** dipercayai dapat meningkatkan kesedaran mengenai pilihan kerjaya dan pasaran buruh secara lebih produktif. Sekiranya program Career Exploration ini dilaksanakan secara meluas dan berkesan, ia boleh menyediakan satu alternatif kepada **pendidikan selari kerjaya masa hadapan**.

5. Seterusnya, Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO juga telah dipertanggungjawabkan untuk membantu rakyat Malaysia melalui insentif **Program Daya Kerjaya TVET – Program Transisi Pekerjaan untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah.**

MENTERI SUMBER MANUSIA

KUALA LANGAT, SELANGOR

31 JULAI 2023